

SIARAN MEDIA

Embargo: 7.30pm (29 Ogos 2024)

SEDANIA Meneruskan Transformasi Strategik Perniagaan

*Meneroka Peluang Baharu dalam Pasaran Konsumer Melalui
Segmen FMCG Lestari dan Teknologi Pengguna Lestari*

Sorotan Prestasi Utama:

- Penerusan Transformasi Model Perniagaan:** Kumpulan SEDANIA dalam proses pengkalibrasian semula strategi untuk meletakkan segmen FMCG Lestari dan Teknologi Pengguna Lestari sebagai pemacu utama pertumbuhan.
- Daya Tahan Tinggi dalam Pendapatan Berorientasikan Konsumen:** SEDANIA mencatatkan prestasi cemerlang yang disokong oleh asas pendapatan yang stabil dan berdaya tahan berpunca dari model perniagaan berdasarkan pengguna yang pelbagai.
- Prospek yang Rancak dan Kepimpinan Baharu:** Pemangkin pertumbuhan baharu dipacu oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Encik Ng Hock Guan, manakala Ahli Lembaga Pengarah baharu, YAA Tun Md Raus Sharif (bekas Ketua Hakim Negara Malaysia) menyumbang pandangan dan perspektif yang bernes dan strategik kepada Lembaga Pengarah.

PETALING JAYA, 29 Ogos 2024 - SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA” atau “Kumpulan”) dengan sukacitanya mengumumkan prestasi bagi Suku Keenam (“6Q2024”) dan keputusan kewangan penuh 18 bulan (“18M24”) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024 (“FY2024”) kepada Bursa Malaysia hari ini, menandakan tempoh perubahan dan transformasi dalam penumpuan kepada sektor produk dan perkhidmatan pengguna.

Kumpulan mencatat jumlah pendapatan sebanyak RM78.3 juta untuk penyata kewangan 18M24 yang belum diaudit bagi FY2024, satu peningkatan ketara daripada jumlah pendapatan RM38.35 juta bagi penyata kewangan 12M24 yang telah diaudit bagi FY2022.

Prestasi FY2024 ini menunjukkan pertumbuhan yang dipergiat dalam tempoh transformasi, disokong oleh pendapatan yang stabil dan berdaya tahan berpunca dari model perniagaan terkini berdasarkan pengguna yang pelbagai. SEDANIA mencatat kerugian sebelum cukai sebanyak RM0.57 juta bagi FY2024 bersandarkan penyusutan nilai sekali (one-time impairment) bagi segmen Tenaga Lestari, lantas menunjukkan langkah jelas dalam proses transformasi ini.

“Perkembangan SEDANIA bagi tahun kewangan ini menunjukkan titik permulaan yang penting dalam perjalanan transformasi kami. Prestasi suku semasa kami mencerminkan keputusan strategik yang diambil untuk mengkalibrasi semula segmen Tenaga Lestari kami. Langkah ini penting untuk memastikan asas yang kukuh bagi pertumbuhan jangka panjang kami. Kemajuan perniagaan yang dicapai setakat ini dalam segmen FMCG Lestari dan Teknologi Pengguna Lestari sudah menunjukkan bahawa kami sedang menuju ke arah model perniagaan yang lestari.”

“Dalam melangkah ke fasa baharu, kami komited untuk memastikan tempoh pangkalibrasian strategi ini melahirkan pertumbuhan mampu disamping mencipta nilai untuk pihak-pihak berkepentingan kami, sejajar dengan misi kami untuk memperbaiki kehidupan secara lestari,” kata Pengurus Tan Sri Abdul Halim Ali.

Mengulas tentang operasi Kumpulan yang kukuh, Pengarah Urusan SEDANIA Datuk Azrin Mohd Noor berkata, “Dalam pelaksanaan transformasi kami, SEDANIA telah menunjukkan prestasi pendapatan yang positif dengan trajektori yang meningkat. Ini membuktikan ketahanan model perniagaan berorientasikan pengguna kami. Dengan peralihan kepada sektor konsumen, kedayaan perniagaan teras kami bukan sahaja dapat mengukuhkan keupayaan kami untuk menghadapi sebarang cabaran tetapi juga menetapkan asas yang kukuh

untuk pertumbuhan yang mampan untuk masa yang akan datang. Melihat ke hadapan, strategi kami untuk menumpukan usaha kami dalam segmen FMCG Lestari dan segmen Teknologi Pengguna Lestari dijangka akan meningkatkan pertumbuhan pendapatan (topline and bottomline) kami.

“Saya berasa amat teruja dengan prospek pertumbuhan baharu yang digerakkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Encik Ng Hock Guan dan disokong oleh pasukan Pengurusan kami; manakala Ahli Lembaga Pengarah baharu SEDANIA, YAA Tun Md Raus Sharif (bekas Ketua Hakim Negara Malaysia) juga menyumbang pandangan dan perspektif yang bernalas dan strategik kepada Lembaga Pengarah.”

“Dengan pelancaran produk baharu dan penyusunan semula model kos kami, segmen FMCG Lestari kami, yang didorong oleh jenama Offspring dan Tanamera, bersama perniagaan Pengilangan Jenama Asal (OBM) Halal kami, FA Herbs Sdn Bhd, kami terus meningkatkan margin kami dan meningkatkan kecekapan operasi kami. Objektif strategik SEDANIA untuk tahun kewangan akan datang 2025 adalah untuk mengembang dan memupuk pertumbuhan dinamik semua segmen perniagaan kami.”

Berikut merupakan antara perkembangan perniagaan terkini sepanjang tahun kewangan ini:

- **Offspring:** Pada 20 Ogos 2024, Offspring Inc. dengan bangganya melancarkan produk baharu Lampin FeatherAIR, yang direka khusus untuk kulit bayi sensitif dan disahkan oleh pakar pediatrik dan dermatologi terkemuka. Tambahan ini kepada rangkaian penjagaan bayi premium, selamat, dan 0% bahan kimia kami terus memperkuuh portfolio produk kami. Offspring juga memperkenalkan Duta Jenama pertamanya, Zahrah MacWilson, yang bakal meningkatkan daya tarikan, keterlihatan, dan capaian pasaran untuk jenama kami.
- **As-Sidq Tawarruq:** Sepanjang tempoh 18 bulan, SEDANIA As Salam Capital memudahkan transaksi murabahah komoditi patuh Shariah dengan nilai anggaran lebih RM100 bilion, mengukuhkan kepimpinan kami dalam perdagangan komoditi digital. Setakat 30 Jun 2024, platform As-Sidq Tawarruq menyokong lebih daripada 95 Institusi Perkhidmatan Kewangan (“FSI”) dalam menjalankan transaksi perdagangan komoditi digital patuh Shariah mereka.
- **JOMHIBAH:** Kerjasama dengan Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) untuk menawarkan pembiayaan di platform digital JOMHIBAH kami telah ditandatangani pada 16 Ogos 2024, mewakili pencapaian penting bagi SEDANIA As Salam Capital. Platform JOMHIBAH menyasarkan untuk bekerjasama dengan empat (“4”) FSI tahun ini. Dengan pertumbuhan pesat aset Islam yang tidak dituntut, yang kini mencecah lebih RM90 bilion tetapi hanya 0.02% umat Islam yang melaksanakan Perancangan dan Pengurusan Pusaka, kami percaya ini dijangka memberi potensi pasaran yang signifikan melalui kempen kesedaran proaktif mengenai Hibah.
- **Program Pembiayaan GoHalal:** Kerjasama kami dengan GrabFin Malaysia dan Mitra Kembara untuk pembiayaan Umrah menandakan inisiatif unik untuk menyokong pemandu dan rakan kongsi Grab Muslimah dalam menunaikan ibadah Umrah mereka. Program ini mencerminkan komitmen kami untuk menyediakan solusi pembiayaan kewangan yang inklusif dan berimpak tinggi kepada komuniti.

“Komitmen kami untuk memacu pertumbuhan mampan mendorong kami untuk mengamalkan pengurusan risiko yang bertanggungjawab, sentiasa memantau kedudukan kewangan kami, dan mengambil langkah awal untuk memastikan kami terus memacu nilai positif untuk pihak-pihak berkepentingan kami,” tegas Datuk Azrin.

-TAMAT-

NOTA:

***Pengelasan Semula kepada Sektor Produk & Perkhidmatan Pengguna**

Saham SEDANIA yang disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia telah diklasifikasikan semula di bawah sektor "Produk dan Perkhidmatan Pengguna" dan subsektor "Perkhidmatan Pengguna" masing-masing, berkuat kuasa pada jam 9.00 pagi, 9 Julai 2024.

FOR IMMEDIATE RELEASE



Mengenai SEDANIA Innovator Berhad

SEDANIA merupakan sebuah syarikat pemegang pelaburan yang memberi tumpuan kepada perniagaan kearah kelestarian. Sejak disenaraikan pada tahun 2015 di Pasaran ACE Bursa Malaysia, Kumpulan telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada peningkatan kelestarian dan pengurangan pelepasan karbon, menyumbang kepada ekonomi yang lebih mampan.

Kumpulan didorong oleh teras perniagaan utama dalam barang dan perkhidmatan pengguna mampan, berorientasikan pengguna: **Offspring Inc Sdn Bhd ("Offspring")**, **Tanamera Group Sdn Bhd ("Tanamera")**, dan **SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd**.

Offspring, produk kesihatan mampan, menawarkan pelbagai produk lebih dari 170 SKU yang diperbuat daripada bahan mesra alam dan pembungkusan yang boleh didegradasi yang terdapat di tiga benua antarabangsa.

Tanamera menetapkan standard dalam penjagaan peribadi premium, semula jadi, dengan mencampurkan tradisi Asia dengan herba tropika ekologi kepada pelanggan yang tahap antarabangsa.

SEDANIA As Salam Capital, peneraju dalam revolusi kewangan digital, merangkumi hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan dengan penyelesaian FinTech inovatif dan Program Pembiayaan GoHalal untuk meningkatkan inklusif kewangan dan kesejahteraan.

Teras utama ini menekankan komitmen teguh SEDANIA terhadap inovasi, kelestarian, dan penyediaan barang dan perkhidmatan berorientasikan pengguna.

Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.

Sila layari www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi dan penawaran servis dan produk kami.

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Hazel Hanif / Dave Pang

Tel: +603-7880 2001 / +6012 619 1103 / +6016 549 2835



[SEDANIA Innovator Berhad](#)



[sedaniainnovatorbhd](#)



[SEDANIA Innovator Berhad](#)